

Pengimarahkan Masjid Pascapandemik



► Mohamad Muhaimin
Mohamad Zaki

Masjid merupakan sebuah institusi yang berfungsi sebagai pusat ibadat dan kemasyarakatan umat Islam di seluruh dunia. Berdasarkan catatan sirah, masjid Quba merupakan masjid pertama yang dibina di dunia dalam sejarah syariat Nabi Muhammad SAW.

Di Malaysia, terdapat lebih daripada 6089 buah masjid yang dapat memenuhi keperluan umat Islam di Malaysia yang dianggarkan berjumlah 17 juta orang meliputi masjid negara, masjid negeri, masjid daerah dan masjid jamek. Jumlah yang banyak ini sudah pasti akan memberikan manfaat yang besar terhadap umat Islam di negara ini sekiranya pengimarahkan masjid dilaksanakan dengan sistematik, teratur dan mempunyai perancangan yang rapi.

Keperluan untuk mengimarahkan masjid amat ditekankan dalam Islam sehingga Allah SWT memberikan

kemuliaan kepada mereka yang memakmurkan rumah Allah SWT dalam *Surah al-Tawbah* ayat 18 yang bermaksud, “Sesungguhnya yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid Allah itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, serta mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, (dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka diharapkan mereka tergolong dalam golongan yang mendapat petunjuk.”

Malah, terdapat begitu banyak hadis yang menceritakan tentang khabar gembira dan jaminan



kebahagian dunia dan akhirat kepada mereka yang selalu berdamping dengan rumah Allah SWT. Antaranya termasuklah sabda Rasulullah SAW yang bermaksud, “Apabila kamu sekalian melihat seseorang yang sentiasa pergi ke masjid, maka persaksikanlah keimanan untuknya.” (Hadis riwayat al-Tirmidzi).

Oleh itu, pengimarahannya bukan sahaja bermaksud mereka yang mengunjungi atau menziarahi sesebuah masjid, tetapi termasuk juga beribadat di dalamnya serta menyerlahkan keimanan seseorang sebagai hamba Allah SWT. Allah SWT berfirman

yang bermaksud, “Adakah kamu sifatkan hanya perbuatan memberi minum kepada orang-orang yang mengerjakan haji, dan (hanya perbuatan) memakmurkan Masjidilharam itu sama seperti orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta berjihad pada jalan Allah? Mereka (yang bersifat demikian) tidak sama di sisi Allah, dan Allah tidak memberikan hidayah petunjuk kepada kaum yang zalim. (Surah al-Tawbah 9:19).

Berkenaan dengan ayat ini, al-Maghari menyebutkan bahawa ayat ini ditujukan kepada kaum Mukminin yang telah berselisih pendapat tentang pekerjaan yang mana satukah lebih utama. Kita tidak boleh menyamakan keistimewaan orang yang memberi minum dengan orang yang datang menunaikan ibadat haji, dan memakmurkan masjid dengan keistimewaan orang yang beriman kepada Allah SWT dan hari akhirat serta orang yang berjihad pada jalan Allah SWT. Meskipun memberi minum dan memakmurkan (menghidupkan) masjid itu termasuk dalam soal kebajikan, namun para pelakunya tidak sama dengan orang yang beriman dan berjihad dari segi ketinggian martabat kemuliannya.

Khabar gembira buat pengunjung setia masjid

Kita semua maklum bahawa pandemik COVID-19 sedikit banyak telah merubah aktiviti seharian, termasuklah pengimarahannya masjid. Bermula dengan kewujudan kluster jangkitan di beberapa buah masjid, terdapat masjid yang telah ditutup, dihadkan

bilangan jemaah, dan aktiviti serta program pengimarahannya diberhentikan buat sementara.

Namun begitu, pada waktu ini kita dapati terdapat banyak kelonggaran yang telah diberikan oleh pihak berkuasa terutamanya Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) yang merupakan institusi yang bertanggungjawab menaungi semua masjid yang berdaftar di negeri masing-masing. Pembukaan semula institusi masjid secara berperingkat ini secara tidak langsung telah menyuburkan kembali aktiviti pengimarahannya pascapandemik bagi menghadapi realiti fasa endemik yang akan menjadikan masyarakat menjalani hidup dengan norma baharu dan sentiasa berwaspada terhadap penyakit atau wabak yang sentiasa wujud di mana-mana kawasan atau daerah tertentu.

Oleh sebab itu, pengurusan masjid juga haruslah bertindak proaktif dengan menghidupkan kembali pelbagai program yang bersifat menyantuni masyarakat dan berfokus ke arah meningkatkan syiar Islam. Aktiviti pengimarahannya bukan untuk menunaikan solat berjemaah semata-mata, tetapi kepelbagaian program dan aktiviti pengimarahannya akan mewujudkan masjid mesra jemaah yang akan membawa manfaat yang besar terhadap komuniti setempat.

Penyesuaian program masjid mengikut situasi

Ketika pandemik melanda negara kita, kebanyakan pentadbir masjid telah melaksanakan

Bagi menarik minat masyarakat untuk mengimarahkan masjid, pihak jawatankuasa haruslah memastikan keadaan masjid dalam keadaan yang bersih sesuai dengan konsep Islam sebagai agama yang mementingkan kebersihan.

pelbagai program pengimarahkan yang berbentuk kebajikan terutamanya kepada mereka yang terkesan dengan impak negatif kesan daripada pandemik COVID-19. Malah, terdapat juga pentadbir masjid yang bekerjasama dengan pelbagai agensi seperti institusi zakat, badan bukan kerajaan (NGO), institusi kewangan serta pelbagai pihak bagi mewujudkan jaringan kerjasama untuk menyampaikan bantuan kepada mereka yang memerlukan. Walaupun terdapat masjid yang telah mengalami kekurangan dana kesan penutupan masjid serta jumlah pengunjung yang berkurangan akibat jumlah jemaah yang dihadkan, hal ini tidak bermakna program pengimarahkan juga terhenti begitu sahaja.

Mengambil contoh, program gerobok rezeki yang terdapat di kebanyakan masjid wajar diperluaskan bukan sahaja terhad kepada bantuan makanan asas, namun boleh dimanfaatkan dengan pelbagai barangan keperluan, ubat-ubatan dan peralatan pendidikan. Sebaik-baiknya pihak masjid menyediakan satu ruang khas yang menempatkan barangan tersebut serta diselia dan disusun atur dengan kemas terutamanya

bagi mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku seperti barangan makanan asas yang telah tamat tempoh dan rosak serta gangguan haiwan seperti kucing dan haiwan perosak.

Sinonim dengan budaya Keluarga Malaysia yang suka mengamalkan budaya bantu-membantu dan bersedekah, perlu juga diterapkan budaya memberikan bantuan dengan barangan yang baik. Terdapat juga kes barangan bantuan yang diberikan menjadi masalah pula kepada pihak pentadbir masjid seperti tamat tempoh, rosak dan barangan tidak sesuai lagi digunakan kerana terlalu lusuh. Langkah ini amat bertentangan dengan perintah Allah SWT melalui firman-Nya yang bermaksud, “Kamu tidak akan memperoleh kebajikan, sebelum kamu menginfakkan sebagian harta yang kamu cintai. Dan apa-apa pun yang kamu infakkan, tentang hal itu sungguh, Allah Maha Mengetahui.” (*Surah Ali ‘Imran* 3:92). Oleh itu, sewajarnya masyarakat dipupuk untuk memberikan sumbangan dengan barangan yang terbaik, dan bukan sekadar melepaskan batok di tangga yang sama sekali tidak menggambarkan ciri-ciri seorang Mukmin.

Kaedah pengimarahkan masjid

Sesuai dengan empat ciri mereka yang layak mengimarahkan masjid seperti yang disebutkan oleh Allah SWT dalam *Surah al-Tawbah* ayat 18, maka pentadbir institusi masjid juga haruslah kreatif dalam hal memartabatkan syiar Islam melalui pelbagai bentuk pengimarahkan. Oleh sebab pengorbanan manusia untuk mengimarahkan rumah Allah ini, maka Allah SWT memberikan ganjaran yang besar kepada mereka sehinggakan pada pengakhir ayat dalam surah ini Allah SWT berfirman yang bermaksud, “Moga-moga mereka yang mengimarahkan masjid dan rumah-Ku termasuk dalam golongan yang diberikan petunjuk.”

Kutipan dana masjid melalui anak kariah secara dalam talian juga diperluaskan melalui pelbagai kempen seperti “Kempen Sedekah Subuh” dan “Sedekah Jumaat”. Kaedah ini dapat dijayakan dengan penghasilan poster dengan reka bentuk yang menarik dan disebarikan melalui media sosial. Terdapat juga pihak masjid yang meletakkan tabung di luar kawasan masjid dan masyarakat dapat menyampaikan sumbangan secara pandu lalu. Jaringan masjid bersama-sama komuniti tempatan juga dipergiatkan dengan terdapatnya tabung masjid yang ditempatkan di premis perniagaan di sekitar kawasan kariah. Namun begitu, langkah ini memerlukan pemantauan berterusan oleh jawatankuasa masjid agar

tiada unsur penyelewengan yang berlaku menggunakan nama masjid. Penjanaan dana masjid juga amat penting bagi menggerakkan pelbagai program pengimarahkan yang melibatkan implikasi kewangan sama ada berskala kecil atau besar.

Bagi menarik minat masyarakat untuk mengimarahkan masjid, pihak jawatankuasa juga haruslah memastikan masjid dalam keadaan yang bersih sesuai dengan konsep Islam sebagai agama yang mementingkan kebersihan. Walaupun tugas menjaga kebersihan bukanlah tanggungjawab pentadbir masjid semata-mata, namun jawatankuasa masjid boleh bertindak sebagai perintis dengan cara mewujudkan pelbagai dekorasi yang indah

bagi menambahkan keselesaan para jemaah. Terdapat pihak berkuasa tempatan yang aktif bekerjasama dengan pihak masjid dengan pelbagai aktiviti seperti pertandingan tandas terbersih yang secara tidak langsung memberikan manfaat kepada para jemaah.

Firman Allah SWT yang bermaksud, "Jangan engkau solat di masjid (Dirar) itu selamalamanya, kerana sesungguhnya Masjid Quba yang engkau bina (wahai Muhammad), yang telah didirikan atas dasar takwa dari mula (wujudnya), sudah sepatutnya engkau solat padanya. Di dalam masjid itu ada kalangan lelaki yang suka membersihkan dan menyucikan dirinya; dan Allah mencintai golongan yang cinta akan kebersihan." (*Surah al-Tawbah*


9:108). Oleh itu, sejurus turunnya ayat ini Rasulullah SAW bersabda dalam sebuah hadis yang bermaksud, "Wahai golongan Ansar, Allah memuji kebersihan kamu, apakah bentuk kebersihan yang kalian telah lakukan?" (Hadis riwayat Ibn Majah).

Melalui ayat ini, Allah SWT merakamkan pujian terhadap amalan kebersihan yang ditunjukkan oleh golongan Ansar dan akhirnya menjadi elemen utama golongan yang mengimarahkan

rumah Allah SWT. Kebersihan bukan sahaja wujud pada hati yang bersifat dalaman, malah perlu dizahirkan dalam bentuk luaran seperti pakaian dan tempat yang digunakan untuk menunaikan solat yang berkaitan rapat dengan syarat sah solat. Baru-baru ini kita dikejutkan dengan pasangan suami isteri bukan Islam di Sabah yang menyediakan tempat solat yang selesa bagi pekerja di sebuah tapak pembinaan berhampiran kediaman mereka setelah melihat keadaan tempat solat yang berkeadaan kurang sesuai bagi para pekerja menunaikan solat.

Kecanggihan teknologi juga wajar dimanfaatkan oleh para pentadbir masjid dalam mendepani cabaran pengimarahkan pada masa ini. Selain majlis ilmu agama yang dijalankan secara hibrid sama ada secara fizikal atau dalam talian yang disiarkan secara langsung, pihak masjid juga dapat melaksanakan hebahkan aktiviti masjid seperti sambutan kebesaran bulan Islam serta info berkaitan dengan komuniti secara berkesan menggunakan pelbagai medium secara dalam talian.

Oleh itu, pengimarahkan masjid pascapandemik wajar dipergiatkan agar masjid menjadi institusi yang dekat dengan masyarakat. Sebagai tempat yang dimuliakan oleh Allah SWT, seharusnya masjid menjadi lokaliti mesra ibadat yang bertindak sebagai bahtera penyelamat, seterusnya menjadi pemangkin turunnya rahmat Allah SWT kepada umat manusia. ^{OT}



Pelbagai aktiviti boleh dilakukan oleh golongan muda untuk mengimarahkan masjid.